

Rabu, Jan 24 2018

## Ada projek lama bebankan rakyat

UM 24/1

### KEJAYAAN HAB DIGITAL MALAYSIA (Zon Bebas Perdagangan Digital)



Memberi ruang perniagaan untuk berhubung dengan ekosistem ekonomi digital



Memfaatkan pertumbuhan pesat ekonomi internet dan silang sempadan e-dagang



Lebih 2,000 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (SME) mendaftar

Disokong oleh MDEC dan MaGIC

### PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA

**Tempat ke-2 ASEAN** dalam Digital Evolution Index 2017

**Tempat ke-5 Asia** dalam Huawei Global Connectivity Index 2017

**Tempat ke-7 Asia** dalam ICT Development Index 2017

**Tempat ke-6 Asia** dalam Networked Readiness Index 2016, Cloud Readiness Index 2016 dan Asian Digital Transformation Index 2016

Waktu Solat		MBSB				
	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
<b>KUALA LUMPUR</b> dan kawasan sewaktu dengannya	6.07	7.25	1.29	4.51	7.27	8.40
<b>PULAU PINANG</b> dan kawasan sewaktu dengannya	6.15	7.33	1.33	4.55	7.28	8.41
<b>KUANTAN</b> dan kawasan sewaktu dengannya	6.01	7.19	1.23	4.45	7.21	8.33
<b>JOHOR BAHRU</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.56	7.16	1.19	4.42	7.19	8.32
<b>KUCHING</b> dan kawasan sewaktu dengannya	5.31	6.51	12.55	4.17	6.54	8.07



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan ucapan pada perasmian Invest Malaysia 2018 yang dihadiri lebih 2,000 peserta terdiri daripada ahli-ahli korporat tempatan dan asing di Kuala Lumpur, semalam.

**KUALA LUMPUR 23 Jan.** - Negara kini perlu membayar harga yang tinggi terhadap perkara-perkara yang sepatutnya tidak ditanggung oleh rakyat akibat beberapa projek pembangunan di bawah pentadbiran bekas seorang pemimpin sebelum ini yang mengutamakan kroni untuk mengaut untung berlipat kali ganda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, amalan kapitalis kroni itu menyebabkan pentadbirannya yang sedang gigit melaksanakan program-program transformasi ekonomi terpaksa berdepan kesukaran akibat isu-isu bersifat legasi yang dimulakan di bawah pentadbiran sebelum ini.

Tanpa menyebut nama, Najib dipercayai merujuk kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengetuai kerajaan dari 1981 sehingga 2003 yang sering didakwa membenarkan banyak perjanjian konsesi berat sebelah ditandatangani terutama untuk pembinaan lebu raya dan penjana tenaga bebas (IPP).

"Ini semua membebankan rakyat, oleh itu kerajaan membincangkan semula konsesi-konsesi yang ditandatangani.

"Kita tidak mahu syarikat-syarikat swasta (kroni) ini menikmati pendapatan berlipat-ganda sehingga membebankan rakyat," katanya ketika menyam-

paikan ucapan pada perasmian Invest Malaysia 2018 yang dihadiri lebih 2,000 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli korporat tempatan dan asing di sini hari ini.

Kata beliau lagi, dalam kes IPP, perjanjian berat sebelah yang ditandatangani menyebabkan rakyat perlu membayar tarif elektrik lebih mahal berbanding sepatutnya.

Najib berikrar mahu menghentikan amalan tersebut dan mengutamakan persekitaran yang lebih mesra perniagaan, meningkatkan ketelusan dan kecekapan serta tidak membebankan rakyat.

Perdana Menteri berkata, penstrukturan lain yang juga sedang diusahakan kerajaan adalah untuk membangunkan sistem pengangkutan awam yang selama ini tidak menjadi keutamaan pemimpin yang dirujuk beliau.

Akibat terlalu obses terhadap idea untuk menghasilkan kereta nasional, Najib juga berkata, pemimpin itu mengabaikan kepentingan pengangkutan awam sekali gus menyebabkan sistem pengangkutan awam negara yang ada sebelum ini tidak cekap.

"Pengangkutan awam diabaikan. Menyebabkan jaringan yang ada tidak sekata, mempunyai pemilik yang berbeza, berlain sistem dan tidak bersepadu," katanya.



Ucapan Perdana Menteri di Invest Malaysia 2018, Kuala Lumpur

### KEJAYAAN NEGARA MENERUSI MODEL EKONOMI BAHARU

- Pendapatan Negara Kasar meningkat lebih 50% sejak 2009 kepada RM1.3 trilion pada 2017.
- Pendapatan bulanan purata isi rumah rakyat meningkat daripada RM4,025 pada 2009 kepada RM6,958 pada 2016.
- Pendapatan bulanan purata isi rumah B40 kelompok berpendapatan terendah meningkat daripada RM1,440 pada 2009 kepada RM2,848 pada 2016.
- 2.26 juta pekerjaan dicipta antara 2006 hingga 2016, lebih sejuta daripadanya pekerjaan berpendapatan tinggi.
- Lebihan perbelanjaan kerajaan menurun daripada 6.7% pada 2009 kepada tiga peratus pada 2017.
- Kemasukan dana asing RM10.8 bilion pada 2017, tertinggi sejak 2012.
- Ringgit mengukuh 10.4% berbanding dolar Amerika Syarikat sepanjang 2017.
- Syarikat gergasi China, Huawei dan Arab Saudi akan melabur hampir RM30 bilion.
- Petronas, Khazanah, Maybank dan CIMB menjadi antara syarikat gergasi di peringkat antarabangsa.
- Bank Dunia menjangka Malaysia akan capai status negara berpendapatan tinggi dalam beberapa tahun akan datang.
- Kebergantungan pendapatan negara terhadap sumber minyak berjaya dikurangkan daripada 41% kepada 14%.
- Kerajaan berjaya kekal hutang di bawah paras 55% daripada nilai KDNK.
- Wanita mewakili 19.2 peratus barisan pengarah 100 syarikat tersenarai hingga akhir 2017.